



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 34 BIL 4/2022

ANUGERAH IKON SISWA PAHANG ANUGERAH MAHASISWA MENTERI BESAR PAHANG

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Merujuk kepada pemakluman ini, para pelajar yang berkelayakan adalah dibuka untuk menyertai percalonan anugerah ini. Objektif bagi anugerah ini adalah:

- Memberi pengiktirafan kepada kepimpinan mahasiswa Pahang yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selaras dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pengajian Tinggi) 2015-2025.
- Mengiktiraf peranan individu dan persatuan anak Pahang yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan dalam pelaksanaan program / aktiviti kemahasiswaan.
- Memberi kesedaran, motivasi serta peluang kepada para mahasiswa Pahang untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang.

Syarat- Syarat Pencalonan

Pelajar yang ingin memohon hendaklah mengisi borang percalonan dan perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut sebelum atau pada **30 Mei 2022 (Isnin)**

:-

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua mahasiswa anak Pahang yang belajar secara sepenuh masa di peringkat **Diploma atau Sarjana Muda sahaja.**
- ii. Calon hendaklah berstatus **aktif** dalam pengajian sehingga **31 Ogos 2021.**

- iii. Penilaian adalah bagi pencapaian dan program yang dianjurkan sepanjang sesi 2018/2019 sehingga 2021/2022 (bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2021) sahaja.
- iv. Tarikh tutup pencalonan adalah **30 Mei 2022 (Isnin) jam 5.00 petang**.
- v. Pencalonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.
- vi. Keputusan Jawatankuasa Pemandu Anugerah adalah muktamad.

Borang Pencalonan dan Dokumen Sokongan

Bagi pelajar yang ingin memohon hendaklah **mengimbas kod QR** dibawah dan boleh membuat penghantaran terus kepada email berikut iaitu haris@yp.org.my dan zulhafni@yp.org.my.



Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 09-4315027 atau melalui email admin_jhepa@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Abd Rahman

ABD RAHMAN BIN AHMAD

Eksekutif Kanan
Akademi Adab
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 27 Mei 2022